

06/11/1999

Gembleng usaha tangkis fitnah: PM

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu ahli Umno menggembleng usaha menangkis fitnah Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap parti itu dan kerajaan.

Presiden Umno berkata, fitnah itu dilakukan secara terperinci dan tersusun sehingga menyukarkan parti menjelaskan perkara sebenar berbanding dakwaan Pas terhadap Umno, yang mudah ditangkis.

Sehubungan itu, beliau meminta semua ahli parti menggembleng usaha menangkis fitnah Anwar dan pembangkang supaya fikiran rakyat tidak terus dikelirukan.

Berucap melancarkan Operasi Membasmi Fitnah di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini, Dr Mahathir berkata ada tanda-tanda rakyat sudah percaya dengan fitnah pembangkang termasuk oleh Anwar.

Katanya, fitnah dan pembohongan parti lawan kini sudah sampai ke satu tahap sehingga sesetengah rakyat sudah tidak tahu membeza yang mana betul dan salah serta yang baik dan buruk.

"Apabila rakyat sudah jadi keliru, kemungkinannya ialah rakyat akan membuat keputusan tidak bijak dan kesannya mungkin kita akan rasakan ketika pilihan raya umum akan datang.

"Sebab itu, mulai sekarang, jawatankuasa penerangan Umno dan pemimpin-pemimpin parti perlu memahami bahawa kita menghadapi masalah dan kita perlu membuat penjelasan sehingga orang boleh yakin, rakyat boleh yakin, bahawa apa yang kita kata itu benar dan apa dikatakan pembangkang tidak benar," katanya .

Kira-kira 2,000 ahli jawatankuasa penerangan Umno bahagian dari seluruh negara hadir pada majlis itu.

Operasi besar-besaran dinamakan Ops Basmi 7M itu dianjurkan oleh Bahagian Penerangan Ibu Pejabat Umno.

Ia memberi tumpuan kepada tujuh perkara yang dilakukan pembangkang iaitu memfitnah, membohong, memaki hamun, mencarut, membenci orang lain, menyangka buruk dan menghasut.

Dr Mahathir berkata, adalah mudah bagi Umno untuk menangkis pembohongan dan fitnah Pas kerana parti itu berbohong secara berdepan.

Bagaimanapun, katanya, Anwar membuat perancangan rapi tanpa didapati dikesan sesiapa bahawa itu adalah pembohongan.

"Pemimpin Pas seperti Datuk Nik Abdul Aziz, bila orang tanya mengenai buku Shit oleh Shanon Ahmad, beliau terus berbohong mengatakan Tuhan pun mencarut. Semua tahu bahawa Tuhan tidak berbuat demikian tetapi penyokong kuat Pas mempercayai cakap Nik Aziz itu.

"Dalam hal Anwar, sukar bagi seseorang, termasuk anggota Umno sendiri, untuk mempercayai beliau, orang yang dipandang warak, boleh melakukan perkara bertentangan dengan imej yang ditonjolkan olehnya sebelum ini.

"Saya pun tertipu dengan taktiknya," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri yang bercakap panjang lebar mengenai Anwar berkata, bekas timbalannya itu kini menggunakan pendekatan baru untuk terus membohongi orang ramai apabila sering mengadu sakit kepala sewaktu menghadiri perbicaraan di mahkamah.

"Pendekatan baru ini memang agak sukar untuk kita tahu sama ada seseorang itu sakit kepala atau tidak. Tidak ada doktor di dalam dunia akan kata, orang itu sakit kepala. Tujuannya ialah untuk mencetuskan kemarahan penyokongnya konon kerajaan terus memberi tekanan kepada dia dan sekali lagi mencetus rusuhan.

"Pembohongan Anwar sebenarnya bermula sejak demonstrasi pelajar pada 1974 di Baling lagi apabila dia mendakwa seorang kanak-kanak mati kelaparan. Tidak ada orang kebuluran di negara ini.

"Baru-baru ini, kes keracunan ditimbulkan tetapi kemudian terbukti tidak betul dan ini adalah satu lagi pembohongan Anwar," katanya.

Beliau berkata, perancangan Anwar cukup baik iaitu sejak memasuki Umno pada 1981 lagi.

"Dia pilih Umno kerana jika masuk Pas, tak mungkin akan jadi Perdana Menteri. Dia tunjuk seolah-olah dia setia kepada Umno," katanya sambil mempersoalkan peranan Anwar berkaitan penubuhan Pusat Dasar Asia Pasifik (APPC) dan Douglas H Paal yang dikatakan menerima RM38 juta daripada Anwar.

Katanya, APPC kononnya bertujuan meningkatkan dagangan di antara Amerika Syarikat dan rantau Asia Pasifik tetapi sebenarnya untuk kepentingan politik Anwar.

(END)